



MOMOKU SAYANG

I

“**TOXO**... Plas... Mosis... *Toxoplasmosis*, hah!” Nak tergeliat lidahku menyebut istilah yang dicatat oleh Doktor Mulyadi. Akhirnya dapat juga aku jumpai perkataan yang disebutnya berulang kali melalui enjin carian *google*. Aku minta Kyra mencatatnya tadi kerana apa yang disebut doktor itu memang sukar orang kebanyakan seperti kami mengulanginya.

Hampir tak percaya juga apabila membaca hasil carian ‘*Uncle Google*’ menemukan fakta yang tidak aku jangka langsung. Adakah patut mengheret Momo dalam kemelut penyakit Kyra. Tak pasal-pasal sabit kesalahan ke atas Momo yang memungkinkan ia dijatuhi hukuman, cewah macam bahasa mahkamah pula. Kesian Momo.

Tapi itulah kenyataan yang dinyatakan oleh Pakar Oftamologi, Doktor Mulyadi dan disahkan oleh kenyataan ‘*Uncle Google*’. Aku tak dapat nak nafi dan salahkan mana-mana pihak. Ianya benar-benar berlaku. Itu fakta!

Yang menjadi mangsa kebingungan ialah kami - aku, Kyra dan Anas. Momo membesar dengan kami sejak bertahun lamanya. Tatkala jiran sebelah berpindah dan tidak lagi mahu membawa anak-anak kucingnya bersama, Momo menjadi ahli keluarga baru kami.

Momo memang comel, lincah, keletah dan *well behave*. Kyra dan Anas sayang Momo seperti adik sendiri. Kami mula dan semakin sayang akan Momo. Malah bersedia untuk sehidup semati dengannya. Namun kondisi harus berbeza selepas ini. Aku tak pasti.

Episod cerita bermula apabila Kyra mula bercerita tentang matanya yang seakan tidak puas melihat. Kelam dan berkabus, katanya. Hari demi hari, Kyra seakan tidak selesa. Keadaan matanya elok sahaja, anak mata pun cantik bersinar. Namun pandangannya tidak jelas.

“Macam tengok melalui cermin kotor, peliklah, Ma,” Kyra mengadu. Aku mulanya tidak perasan juga, tapi apabila lima enam hari Kyra asyik mengadu, rasa lain macam pula. Apatah lagi bila dia berkata mata kirinya ok, tetapi mata sebelah kanan yang menghadapi masalah. Aku semakin tidak sedap hati.

“Kyra nampak macam mana, ok tak? Cermin mata kotor kut,” aku cuba menenangkan anak kesayanganku petang itu. Dia memang telah bercermin mata sejak setahun lalu. Aku lihat mendung sahaja wajahnya, tidak seceria selalu.

“Ok, esok kita jumpa *uncle* Jamaludin, doktor keluarga kita. Petang lepas balik sekolah kita singgah sekejap,” janjiku kepadanya. Kyra akur.

Keesokannya, seperti dijanji, aku menunggunya awal sedikit. Masa sekarang terlalu cemburu, pantas sangat ia berlalu. Kalau lewat sedikit, pasti jalan tersekat dengan pelbagai kenderaan.

“Awat kalut sangat ni... Kena marah cikgu ke?” Tanyaku tatkala menjemput Kyra di laluan menunggu sekolah. Aku lihat Kyra bergegas macam kena kejar orang.

“Ma, mata kanan ni tak nampak... Kyra tak sengaja tertutup mata kiri tadi, tiba-tiba Kyra rasa suasana kelililng gelap... Tengok ni Ma..!” Kyra cuba meyakinkan aku dengan menutup satu mata berselang seli dan cuba membaca tulisan di *dashboard*.

“Tak nampak Ma... Mata kanan ni tak nampak!” Keadaan Kyra mengundang cemasku memuncak. Aku turut kalut juga. Bimbang sesuatu yang buruk akan berlaku kepadanya. Yalah, emak mana yang tak risau apabila secara tiba-tiba anaknya berkata demikian.

“Aduh, nak pergi klinik mata mana ye masa ni...” aku bercakap seorang sambil tanganku meramas-ramas jemari Kyra. Pantas aku menekan butang menghidupkan mobil dan bersedia untuk memecut.